

BULETIN PESARA

Suara Persatuan Pesara Universiti Kebangsaan Malaysia

Bil. 11 (2), Dis., 2021

No. Pendaftaran PPM 017-10-22092010

MINDA PENGERUSI



Salam Sejahtera kepada semua pesara UKM yang diingati.

Pertama sekali saya mewakili para pesara UKM, ingin mengucapkan tahniah kepada YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohamad Razak di atas pelantikan beliau sebagai Penggerusi LPU UKM yang baru. Sebagai Alumni UKM, saya percaya beliau amat memahami dengan mendalam Misi dan Visi UKM ditubuhkan iaitu untuk mengangkat dan memperkuatkkan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Hasrat ini akan bertambah terserlah dengan gabungan adunan dua tenaga fikir daripada Alumni UKM, iaitu Naib Canselor YBhg. Profesor Dato' Ts. Dr. Mohd. Ekhwan Hj. Toriman. Gabungan dua Alumni yang memahami denyut nadi UKM segalanya akan menjadi bertambah kukuh yang sukar diganggu-gugat akan kewujudan UKM dan hasrat yang ingin dicapai. Kepulangan kedua-dua tokoh ini ke UKM ibarat ungkapan bidalan Melayu, “Tak sudah seluang melaut akhirnya kembali ke pantai juga”. Kami sebagai pesara sentiasa memberi sokongan padu demi mendaulatkan bahasa ibu pertiwi yang UKM sebagai pelopornya pada peringkat pengajian tinggi. Sekali lagi kami ucapkan tahniah kepada kedua-dua tokoh ini.

Kepada para tenaga akademik UKM, saya mengucapkan tahniah kerana dapat mempermudahkan proses pengajaran dan pembelajaran semasa menghadapi cabaran wabak Covid 19 yang tidak pasti bila akan berakhir. Mudah-mudahan mutu graduan UKM pada tahun-tahun seterusnya tidak terjejas. Saudara dan saudari agak beruntung kerana pada ketika ini kedua-dua tokoh yang menerajui UKM adalah Alumni UKM, justeru berilah kerjasama sepenuhnya kepada mereka demi kecemerlangan UKM dan para graduannya.

Saya juga mendoakan agar ahli-ahli Persatuan dicucuri rahmat dan kesihatan yang terbaik dalam keadaan pandemik yang amat mencabar pada masa ini. Jaga diri, jaga keluarga sebaik mungkin. Kepada rakan-rakan kita yang pergi mendahului kita menemui Ilahi, ucapan takziah saya sampaikan kepada keluarga dan harap bersabar menghadapi janji Allah ini.

Di kesempatan ini Persatuan juga mengucapkan tahniah kepada YBhg. Dato Dr. Syed Kamarudin bin Sadakkuthulla, atas pelantikan beliau menjalani tugas sebagai Pendaftar, UKM mulai 11 Disember 2021. Ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Hajah Ina Md. Yasin di atas sokongan, bantuan dan keterlibatan beliau kepada Persatuan semasa menyandang jawatan Pendaftar sebelum ini.

Ingin dimaklumkan bahawa AJK Persatuan akan mengaturkan AGM Persatuan yang telah tertangguh kerana pandemik, dalam waktu terdekat ini. Akhir kata, saya bagi pihak Ahli Jawatankuasa Persatuan Pesara UKM, mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru 2022 kepada semua Warga UKM termasuk yang telah bersara. Semoga tahun hadapan hidup kita akan bertambah baik dan barokah kurniaan Allah SWT.

BIRO KEBAJIKAN

- Ziarah keluarga Raden Samah (ahli no. PP0993) yang telah meninggal pada 8 Jun 2021
- Ziarah beberapa keluarga yang bukan ahli seperti keluarga Jaffar Dollah yang telah meninggal pada 23/4/2021, keluarga Siti Zainah Mohammad Said yang berpulang ke rahmatullah pada 18/9/2021.
- Allahyarhamah Norsham bin Muslim (PP0084) yang telah meninggal pada 19Jun 2021 tidak dapat diziarahi kerana kekangan pandemik.
- Ismail Jaafar 11 Julai 2021.
- Ziarah Kalsom Abd. Wahab(PP0042) yang telah menjalani pembedahan pada 8 Nov., 2021.

Bekalan bahan makanan mentah kepada yang terkesan semasa covid 19. Boleh mendapatkan sumbangan dari masjid Al umm secara walk in.

Selain sumbangan yang diperoleh dari sumbangan orang ramai pihak masjid juga mendapat bantuan bakul makanan daripada Misi Prihatin Kementerian Kewangan dan BSN Care.

Bagi yang terkesan termasuk pesara yang diberhentikan kerja dan hilang mata pencarian akibat pandemik 19 boleh terus berurus di pejabat Masjid Al Umm. Pihak masjid juga menghantar pek bantuan makanan kepada ahli yang positif covid yang meninggal dunia.

Nota: Sepanjang PKP aktiviti ziarah tidak dapat dilaksanakan.

BIRO RIADAH DAN LAWATAN

1. Exercise masa pandemik kumpulan video yang sesuai
2. Menyebarkan maklumat berkenaan dengan kesedaran dan maklumat yang mudah difahami dalam menangani covid 19
3. Kesedaran makanan yang sesuai untuk mengatasi pandemik
4. Aktiviti lawatan dan kunjungan masih tetap tidak dapat dilaksanakan.

KEMUDAHAN PERUBATAN

Soalan

Bolehkah kita buat tuntutan dari UKM bil masuk hospital swasta?

Jawapan

Jikalau secara tetiba pesakit terus ke hospital swasta tanpa rujukan daripada mana-mana hospital kerajaan (hospital yang layak) maka tuntutan tidak boleh di tuntut. Rujuk Pekeliling Perkhidmatan bil. 21/2009). Hanya sekiranya berlaku kecemasan terutama yang melibatkan nyawa (contoh: sakit jantung, kemalangan) itu pun hospital swasta yang berhampiran sekali semasa kejadian

Atau

Sekiranya pesakit telah pun pergi ke hospital kerajaan atau warga UKM sudah merujuk kepada HCTM, atas sebab-sebab yang tertentu hospital tersebut mengarahkan pesakit pergi ke hospital swasta, maka barulah tuntutan boleh dibuat. Itu pun tertakluk kepada kelulusan KKM, kerana KKM ada alasan tersendiri untuk membuat pengesahan sebarang kelulusan tuntutan yang dibuat.

(sumber dari Unit Perubatan Jabatan Pendaftar UKM)

INFO-INFO LAIN

No phone Farmasi Pesakit Luar (HCTM 03-91455424/8242)

PERMASALAHAN CAP JARI

Bagi anda yang menghadapi masalah imbasan cap jari terutama semasa urusan pengesahan kad pengenalan, anda dinasihatkan untuk membuat laporan di Jabatan Pendaftaran Negara untuk mendapatkan pengesahan bertulis.

TAJAAN BEKALAN MAKANAN KEPADA FRONTLINER PPV DEWAN GEMILANG UKM

Jumlah Kutipan sumbangan daripada ahli Persatuan Pesara UKM setakat ini berjumlah RM3420.00.

Rata-rata sumbangan akadnya ialah untuk PPV Dewan Gemilang. Namun begitu ada sebahagian dan sumbangan yang lewat telah diminta izin untuk mengubah akadnya lebih atau sumbangan dijadikan untuk tujuan kebajikan ahli Persatuan.

SENARAI PENYUMPANG AHLI PERSATUAN PESARA UNTUK PPV DEWAN GEMILANG				
BIL	NO AHLI	NAMA AHLI	JUMLAH	BANK
1	475	Dato Harun Bintang	100	maybank
2	228	Dr. Halimah Abdullah Sani	100	cimb
3	393	Prof. Emeritus Dato Dr Mohamad Zawawi Ismail	100	cimb
4	118	Dr.Redzuan Othman	50	cimb
5	256	Pn. Hafsa Mohd	100	cimb
6	181	Dato Basir Elon	500	cimb
7	191	Dr. Wan Fuad@Tuah Wan Hassan	200	cimb
8	141 dan 445	Noriah & Normaziah Zaini	150	cimb
9	251	Dr. Ahmad Mahir Razali	50	cimb
10	8	Sabardin Ahmad	200	cimb
11	52	Sayuti sahlan	300	Hong Leong
12	250	Norsidah A Manap	100	maybank
13	???	Khamsiah Kasdi	60	RHB
14	87	Salmah Kasmani	50	cimb
15	148	Prof. Emeritus Dato Dr Anuwar Ali	500	cimb
16	323	Dr. Mansur Jusoh	200	cimb
17	286	Dr. Misran Rokimin	300	cash deposit
18	88	Rosenaini @Rusnaini A. Saman	40	
19	449	Zainun Kamazaman	20	
20	311	Idris Aman	50	
21	354	Naimah Surip	20	
22	???	Ku Mahrum Ku	200	
23	???	Hanipah Ab. Yusuf	20	
		JUMLAH	3420	

Daripada jumlah sumbangan itu, Persatuan telah bersetuju untuk menaja perbelanjaan bagi:

PERKARA	PERKIRAAN
1 x Sarapan/minum petang (170 org x@rm3.50)	595.00
1 x Makan Tengah hari (170 org x @RM8.00*)	1360.00
1 x Sarapan/Minum petang (170 org x@rm3.50)	595.00
Jumlah	2550.00
(*) upgradekan menu dari RM6.50 kpd RM8.00 kerana pertambahan sumbangan tambahan yang berlainan akadnya.	Jumlah sumbangan 3420.00 Perbelanjaan 2550.00 Lebihan 870.00 Lebihan RM870.00 itu kita masukkan dalam tabung kebajikan

Pihak pengurusan PPV Dewan Gemilang telah memberikan tarikh-tarikh bagi aktiviti ini iaitu pada:

13hb Ogos 2021 Jumaat – Makan tengah hari

14hb Ogos 2021 Sabtu – sarapan pagi

15hb Ogos 2021 Ahad – sarapan pagi

Untuk makluman, harga bekalan makanan ini jauh lebih berpatutan dari harga jangkaan yang telah diberikan terdahulu. Pembekal Makanan yang dipilih ialah cadangan daripada pihak Bendahari UKM sendiri di mana pembekal ini sering membekalkan bekalan makanan kpd frontliner PPV Dewan Gemilang. Pembekal tersebut Tokmi Food & Beverage. Lagipun kita tidak perlu risau oleh kerana kebiasaan tugas itu, pembekal sudah tahu SOP yang diperlukan. Untuk perhatian AJK juga, kos bekalan makanan kpd frontliner ini ditanggung bersama oleh UKM dan KKM.





AGM PERSATUAN PESARA UKM

Kekangan dengan keadaan pandemik yg melanda sekarang maka AGM Persatuan Pesara UKM yang sepatutnya diadakan pada Mac 2021 masih terus-terusan tertangguh. Justeru itu perkara ini telah dilaporkan kepada pihak ROSE dan mereka memahami situasi ni.

ROSE dlm emailnya kepada Persatuan bertarikh 4 Ogos 2021 menyatakan bahawa telah ada Arahan Khas penangguhan Perlaksanaan Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) bagi Pertubuhan yang Berdaftar bagi tahun 2020 dan 2021 semasa Covid 19 telah dikeluarkan di mana:

1. Pelaksanaan MAT semua pertubuhan berdaftar hendaklah ditangguhkan sepanjang tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN) dikuatkuasakan;
2. Kecuali jika Persatuan boleh melaksanakan MAT secara dalam talian.

Setelah meneliti perkara 1-2 di atas dan bersesuaian dengan arahan itu Persatuan akan mengemukakan permohonan cadangan tarikh MAT berserta SOP tambahan pelaksanaan MAT sebaik sahaja tempoh PPN berakhir.

Berita terkini mengenai AGM Persatuan:

Persatuan dibenarkan untuk mengadakan AGM dalam waktu terdekat ini dengan:

- mengekalkan SOP
- jika mesyuarat di adakan secara bersemuka, individu yang hadir **mestalah** yang telah lengkap menerima vaksin.

CORETAN BEKAS PESAKIT Covid-19

Laily bin Din

Ahad, 23/5/21 saya dan anak perempuan kami (Naimah) demam. Saya, isteri dan Naimah pergi membuat ujian calitan (swab test) di hospital swasta berhampiran rumah kami. Petang Isnin, 24/5/21 pihak hospital memaklumkan kepada saya dan Naimah bahawa keputusan calitan yang telah dibuat memberikan keputusan positif untuk saya dan Naimah, manakala isteri saya (Normah) negatif. Kami diminta kuarantin di rumah dan pihak hospital meminta saya dan Naimah memaklumkan keadaan kami kepada KKM melalui MySejahtera setiap hari.

Pada hari ke 6 kuarantin, iaitu pada 28/5/21, saya dan Naimah menerima panggilan telefon daripada Pusat Kesihatan Kepong, meminta kami (saya dan Naimah) dengan segera pergi ke pusat kuarantin i.e MAEPS. Kami panik, dan bertanya kepada doktor yang menelefon saya dan Naimah, sama ada boleh atau tidak kami kuarantin di hospital. Jawapannya boleh, tetapi harus diurus sendiri. Saya minta diberi sedikit waktu.

Kami hubungi hospital HCTM, jawapannya, penuh. Makin panik, akhirnya dapat tempat di hospital swasta. Pada petang 28/5/21, lebih kurang jam 4.30 petang, ambulan sampai di depan rumah untuk mengambil saya dan Naimah. Pada masa itu hati saya amat sayu memandang wajah isteri saya. Di dalam hati, saya berkata, adakah ini kali terakhir saya melihat isteri saya.

Semasa di dalam perjalanan ke hospital saya dan Naimah merasa amat resah, sakit kepala dan terasa seperti mahu muntah. Sampai di hospital kami dua beranak diberi rawatan kecemasan. Segala sistem tubuh amat merisaukan kerana tekanan darah terlalu tinggi dan paras gula juga tinggi. Selepas rakaman bahagian dada dengan Sinar-X (X-Ray), barulah saya dan anak Naimah di bawa ke bilik kuarantin, seorang sebilik. Bermula malam itu, doktor dan jururawat membuat pemeriksaan setiap 4 jam. Kami juga diberi latihan jasmani yang ringan setiap hari. Pada hari ke 7 kuarantin, iaitu 29/5/21 keadaan kesihatan kami semakin pulih. Dipendekkan cerita, pada 2/6/21, saya dan Naimah dibenarkan pulang. Isteri saya diminta menjalani ujian calit sekali lagi pada 1/6/21, keputusannya tetap negatif.


Selepas itu, anak lelaki kami (Aki Najmuddin) pula disahkan positif Covid-19. Tanpa berlengah, kami terus menghubungi hospital yang sama di mana saya dan anak perempuan

(Naimah) mendapat rawatan. Alhamdulillah sekarang ini Aki Najmuddin juga sudah sembah.

Isteri saya (Normah), Aki Najmuddin dan Naimah sudah pun selesai mendapat dua dos vaksin. Manakala saya sudah mendapat dos pertama, dan akan mendapat dos kedua pada 17/8/21 ini.

Alhamdulillah. Sekian sedikit coretan semasa kami dijangkiti Covid-19 sebagai perkongsian pengalaman.

PENERBITAN



LYNNA
Dr. Mohamed Salleh Said
(mantan Prof. Di PSSSA, FST)

Sebuah kisah petualangan sekitar tahun 40-an dan 50-an. Lynna, seorang gadis yatim piatu yang tamat persekolahan dengan sijil Junior Cambridge di Singapura, berhasrat hendak belajar ke Pulau Pinang mencari kedua-dua bapa saudaranya. Dia belayar dengan kapal laut seorang diri. Di George Town dia berjumpa dengan Uncle James dan tinggal bersama keluarga tersebut. Cita-cita yang dibawa bersama untuk menjadi seorang jururawat musnah dengan kedatangan Jepun. Selepas perang tamat, Lynna berasa tidak selesa tinggal bersama keluar bapa saudaranya dan melarikan diri untuk mencari Uncle Abraham di Butterworth. Di situ dia berpeluang melamar jawatan jururawat di Hospital Besar Pulau Pinang, Kemudian tanpa suatu sebab yang jelas dia ditukarkan ke Alor Setar. Novel ini mengisahkan perjalanan hidup seorang gadis yang begitu tabah dan berani menghadapi pelbagai rintangan, dilanda pelbagai emosi – gembira, teruja, sedih, benci, terkejut dan marah. Tetapi akhirnya dia pasrah.

berasa tidak selesa tinggal bersama keluar bapa saudaranya dan melarikan diri untuk mencari Uncle Abraham di Butterworth. Di situ dia berpeluang melamar jawatan jururawat di Hospital Besar Pulau Pinang, Kemudian tanpa suatu sebab yang jelas dia ditukarkan ke Alor Setar. Novel ini mengisahkan perjalanan hidup seorang gadis yang begitu tabah dan berani menghadapi pelbagai rintangan, dilanda pelbagai emosi – gembira, teruja, sedih, benci, terkejut dan marah. Tetapi akhirnya dia pasrah.

Terbitan DBP 2021. 333 ms. @RM34.00. Boleh hubungi penulis 012 379137803.

PAWE (Pusat Warga Emas) UKM

Perasmian pejabat PAWE UKM telah rasmikan oleh YBhg. Ir. Prof. Dato Dr. Othman Karim, Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar mewakili YBhg, Prof. Dato' Dr. Imran Ho Abdullah. Majlis berlangsung pada 22 Dis., 2020 bertempat di Pejabat PAWE, Tingkat 5, Bangunan Pentadbiran Kolej Keris Mas.

Sejak 6 bulan yang lalu iaitu bermula bulan Julai 2021 hingga Disember 2021, aktiviti-aktiviti PAWE berjalan dengan perlahan akibat Pendemik Covid 19 yang melanda dengan negara ini.

Justeru segala aktiviti perlu mematuhi panduan SOP yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Namun begitu pihak AJK PAWE yang diketuai oleh Dato' Dr. Mohd. Wahid Samsudin, sempat juga mengadakan beberapa aktiviti yang banyak menggunakan video konferen dan alat komunikasi yang lain untuk warga emas. Aktiviti yang sempat dijalankan antaranya adalah:

a. WELLNESS FIESTA SIRI 2/2021

Aktiviti ini merupakan sembang sesi santai kekal sihat dengan senaman anjuran Pusat Kajian Penuaan Sihat & Kesejahteraan (H-CARE) anjuran Fakulti Sain Kesihatan UKM. Sembang santai ini diadakan secara atas talian bertajuk: Pendemik Bukan Penghalang Warga Emas Kekal Aktif. Program ini diadakan pada 4 Ogos 2021.

B. PERBINCANGAN MEJA BULAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN WARGA EMAS PERINGKAT ZON TENGAH.

Program ini melibatkan Jawatankuasa Pembangunan Warga Emas Negeri (JPWEN) dan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) di Negeri Perak, Selangor dan Wilayah Persekutuan. Program separuh hari ini diadakan pada 14 September 2021 (Selasa) secara atas talian. Seramai 8 orang AJK PAWE UKM telah dipilih untuk menyertai program ini.

**C. HUB PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT – KURSUS PENCEGAHAN DEMENSIA.
MODUL KURSUS ADALAH SEPERTI BERIKUT:**

Modul 1: Demensia: Memahami dan Mencegah – 25 Oktober 2021.

Modul 2: Aktiviti Fizikal & Senaman – 9 Oktober 2021

Modul 3: Diet – 16 Oktober 2021.

Modul 4: Gimnasium Untuk Otak – 23 Oktober 2021.

Modul 5: Psikologi dan Spiritual/ Kemahiran Berdaya Tahan (Resilient) – 30 Oktober 2021.

Para Peserta yang ingin mengikuti kursus ini dikenakan bayaran sebanyak RM150.00 modul penuh atau RM30.00 satu modul. Kursus ini diadakan pada 25 September & 9 – 23 Oktober 2021 yang dijalankan pada setiap hari Sabtu bermula pukul 11.00 am – 12.00 pm.

Aktiviti-aktiviti yang dicatatkan di atas hanya melibatkan aktiviti Persatuan Pesara UKM sahaja, yang tidak melibatkan aktiviti yang melibatkan Masjid Al Umm seperti aktiviti Kalam Jaddi. Aktiviti-aktiviti mesyuarat PAWE UKM juga tidak dimasukkan dalam laporan ini, kerana PAWE UKM mempunyai mesyuarat yang lebih lengkap termasuk minit-minit mesyuarat yang diadakan . Semoga PAWE UKM akan terus bergerak lebih aktif sekiranya Pendemik Covid 19 ini berakhir. Mudah-mudahan Allah memberi perlindungan kepada kita semua.

SUDUT SENI

Setangkai Mawar buatmu Teman (Datuk Dr Siddique Fadhil)

*Lima dasa warsa
Ku kenalimu
Di ruang luas di universiti
Pemberi sinar menyilau peradaban Melayu*

*Tuangan Syed Naquib hanya sekadar kata
Ku samar dalam pengertian makna
Kau penyuluhanya*

*Kau pemberi sinar cahaya di lorong ilmu
Ku kagumi keilmuanmu.*

*Hingga kini ku ikuti perjalananmu.
Penuh warna
Penuh ganda yg menyatu
Pembakar semangat juang
Dalam nuansa Melayu Islam*

Sosok mu ku kenal dalam lima dasa warsa lalu

Terus kita bersama dalam bahtera Jabatan Persuratan Melayu

*Kau sosok pemikir
Yang menuang rasa kebersamaan ummah.*

*Walau aura Jawa Melayu
Kau berikan
Namun tanpa janggal*

Auramu terus hidup buat tunas anak bangsa

*Kau pergi tanpa diduga
Kau pergi tanpa berpamit*

*Kami merelakan..
Semoga Kau bahagia di sana
Kami akan menyusul Entah bila.*

Nukilan
Noriah Mohamed

**Jika Allah naikkan rezekimu, jangan naikkan
gaya hidupmu, tapi naikkanlah sedekahmu,
semoga Allah menambah terus rezekimu.**

**Soal rezeki jangan cemas, kerana bumi Allah itu
luas.**

JAGA SOP IKUT ARAHAN KERAJAAN KITA JAGA KITA

Sidang editor Buletin

Dr. Misran Rokimin
Puan Salmah Kasmani

AJK Penerbitan

Dr Misran Rokimin
Sdr. Abd. Raai bin Osman
Sdr. Othman Ahmad
Puan Rosenaini@Rusnaini A. Saman
Puan Salmah Kasmani